



5 Februari 2021
5 February 2021
P.U. (A) 43

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH LANGKAH-LANGKAH SEMENTARA BAGI MENGURANGKAN KESAN PENYAKIT KORONAVIRUS 2019 (COVID-19) (PELANJUTAN MASA) 2021

TEMPORARY MEASURES FOR REDUCING THE IMPACT OF CORONAVIRUS DISEASE 2019 (COVID-19) (EXTENSION OF TIME) ORDER 2021

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA LANGKAH-LANGKAH SEMENTARA BAGI MENGURANGKAN KESAN PENYAKIT
KORONAVIRUS 2019 (COVID-19) 2020

PERINTAH LANGKAH-LANGKAH SEMENTARA BAGI MENGURANGKAN KESAN
PENYAKIT KORONAVIRUS 2019 (COVID-19) (PELANJUTAN MASA) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 58(1) Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 [Akta 829], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pelanjutan Masa) 2021**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 18 Mac 2020.

Pelanjutan masa

2. (1) Mana-mana kewajipan atau obligasi statutori yang tidak mungkin untuk dilaksanakan dalam masa yang dinyatakan dalam mana-mana Akta yang disebut dalam Jadual kepada Perintah ini oleh mana-mana pihak berkuasa semasa tempoh dari 18 Mac 2020 hingga 9 Jun 2020 disebabkan oleh langkah-langkah yang ditetapkan, dibuat atau diambil di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 untuk mengawal atau mencegah merebaknya COVID-19, masa yang dinyatakan itu hendaklah dilanjutkan hingga 31 Mac 2021.

(2) Pelanjutan masa yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah termasuk mana-mana kewajipan atau obligasi statutori yang dinyatakan di bawah mana-mana perundangan subsidiari kepada Akta yang disebut dalam Jadual.

JADUAL

SENARAI AKTA

1. Akta Kastam 1967 [*Akta 235*];
2. Akta Eksais 1976 [*Akta 176*];
3. Akta Levi Kenderaan Barang-Barang 1983 [*Akta 294*];
4. Akta Zon Bebas 1990 [*Akta 438*];
5. Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [*Akta 504*];
6. Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 [*Akta 592*];
7. Akta Pelindung 2006 [*Akta 657*];
8. Akta Cukai Pelancongan 2017 [*Akta 791*];
9. Akta Cukai Jualan 2018 [*Akta 806*];
10. Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [*Akta 807*]; dan
11. Akta Levi Pelepasan 2019 [*Akta 813*].

Dibuat 3 Februari 2021
[MOF.TAX(S) 700-4/5/669 JLD.2; PN(PU2)757]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

TEMPORARY MEASURES FOR REDUCING THE IMPACT OF CORONAVIRUS
DISEASE 2019 (COVID-19) ACT 2020

TEMPORARY MEASURES FOR REDUCING THE IMPACT OF CORONAVIRUS
DISEASE 2019 (COVID-19) (EXTENSION OF TIME) ORDER 2021

IN exercise of the powers conferred by subsection 58(1) of the Temporary Measures for Reducing the Impact of Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) Act 2020 [*Act 829*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Temporary Measures for Reducing the Impact of Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) (Extension of Time) Order 2021**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 18 March 2020.

Extension of time

2. (1) Any statutory duty or obligation which is not possible to be performed within the time stipulated in any Act referred to in the Schedule to this Order by any authority during the period from 18 March 2020 to 9 June 2020 due to the measures prescribed, made or taken under the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 to control or prevent the spread of COVID-19, the time specified shall be extended until 31 March 2021.

(2) The extension of time referred to in subparagraph (1) shall include any statutory duty or obligation specified under any subsidiary legislation to the Act referred to in the Schedule.

SCHEDULE

LIST OF ACTS

1. Customs Act 1967 [*Act 235*];
2. Excise Act 1976 [*Act 176*];
3. Goods Vehicle Levy Act 1983 [*Act 294*];
4. Free Zones Act 1990 [*Act 438*];
5. Countervailing and Anti-Dumping Duties Act 1993 [*Act 504*];
6. Windfall Profit Levy Act 1998 [*Act 592*];
7. Safeguards Act 2006 [*Act 657*];
8. Tourism Tax Act 2017 [*Act 791*];
9. Sales Tax Act 2018 [*Act 806*];
10. Service Tax Act 2018 [*Act 807*]; and
11. Departure Levy Act 2019 [*Act 813*].

Made 3 February 2021
[MOF.TAX(S) 700-4/5/669 JLD.2; PN(PU2)757]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Minister of Finance